



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (92)  
Tarikh : 28 Jamadilawal 1442H  
12 Januari 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin Perdana Menteri Malaysia dalam sidang media pada 11 Januari 2021 mengumumkan bahawa seluruh Negeri Kelantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) **berkuat kuasa mulai 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021**.
3. Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dengan ini bersetuju seluruh perkhidmatan Kerajaan Negeri beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam di pejabat **bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana adalah tidak melebihi 70 peratus, tertakluk kepada keperluan dan persekitaran pejabat mengikut pengamalan prosedur operasi standard (SOP)**.
4. Ketua Jabatan perlu memastikan fungsi perkhidmatan asas dan bebanan kerja di Jabatan masing-masing tidak terjejas serta dapat dicapai oleh pelanggan. Bagi pegawai yang diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) perlu mematuhi peraturan BDR sebagaimana berikut:
  - (a) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan;
  - (b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
  - (c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

5. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti sosial yang melibatkan perkumpulan beramai-ramai seperti persidangan, seminar, kursus dan sukan berkumpul adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali. **Kehadiran mesyuarat dan kursus di luar Kelantan adalah tidak dibenarkan manakala penganjuran mesyuarat di peringkat jabatan dan negeri hanya dibenarkan dalam skala kecil sahaja.**

6. Ketua Jabatan diminta menyesuaikan serta melaksanakan kaedah pengoperasian perkhidmatan ini di jabatan/ agensi masing-masing dan dalam masa yang sama perlu memastikan prosedur operasi standard (SOP) keselamatan dan kesihatan seperti pelaksanaan saringan suhu, penjarakan fizikal, pemakaian topeng muka (*face mask*) serta sanitasi tangan (*hand sanitizer*) terus diamalkan.

7. Pelaksanaan operasi perkhidmatan ini dipersetujui berkuatkuasa mulai **13 Januari 2021** sehingga tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** ditamatkan.

Sekian, terima kasih.

**\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT \***  
**\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN \***

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**